



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 14 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU HARGA AYAM, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU HARGA AYAM, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	
3.	KPDNHEP LAKSANA KAWAL HARGA AYAM JIKA TERUS MENINGKAT, BH -ONLINE	
4.	HARGA AYAM: KPDNHEP ADAKAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGELUAR, PENTERNAK, ASTRO AWANI -ONLINE	
5.	LIBAT URUS PENIAGA, PENGELUAR TANGANI ISU HARGA AYAM, TELUR, KOSMO -ONLINE	
6.	NANYANG.COM -ONLINE	
7.	TERMAHAL DI PASAR BASAHI, LOKAL, HM -12	
8.	LIBAT URUS TANGANI ISU HARGA AYAM, TELUR SEMAKIN MENINGKAT, NEGARA, KOSMO -16	
9.	NEKAD ENGGAN MAKAN GAJI UNTUK BERNIAGA KEK DAN PASTRI, BISNES, SH -30	
10.	RM3.9 JUTA BANTU INDUSTRI PERIKANAN DI PAHANG, NEGERI PAHANG, SH -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	JABATAN PERIKANAN TAWAR HARGA TINGGI BURU PATIN MUNCUNG, NEGARA, KOSMO -14	
12.	KEHADIRAN IKAN ASING INVASIF ANCAM PERAIRAN TEMPATAN, RENCANA, BH -12	
13.	ADUN BEBAR AGIH SATU TAN IKAN UNTUK 310 KELUARGA DI KAWASAN PKPD, NEGERI PAHANG, SH -23	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14.	PKPD: 1 TAN IKAN DIAGIH KEPADA PENDUDUK DUA KAMPUNG DI PEKAN, SH -ONLINE	
15.	PESAWAH RUGI RM100,000 PADI DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16.	SULTAN MIZAN SERU KERAJAAN TERENGGANU RANGKA STRATEGI PEMULIHAN EKONOMI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN
17.	MASYARAKAT YAN TERJEJAS BANJIR SEMAKIN PULIH, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	
18.	PUSAT PENDIDIKAN HIJAU UPSI MULA DITUAI, SUARA MERDEKA -ONLINE	
19.	HASIL TANAMAN PUSAT PENDIDIKAN HIJAU UPSI MULA DITUAI, EDISI 9 -ONLINE	
20.	'GANTUNG CANGKUL KALAU TERUS RUGI', NEGARA, KOSMO -17	
21.	UMT HASILKAN MODUL SELAMATKAN NYAWA PENYU, NEGARA, KOSMO -17	
22.	UMT SEDIA MODUL RUJUKAN KONSERVASI PENYU, NEGERI TERENGGANU, SH -25	
23.	FROM FILM DIRECTOR TO HUMBLE FARMER, NEWS IN BRIEF, NST -14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

14 SEP, 2021

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Peniaga peringkat borong dan runcit adakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam

**PUTRAJAYA:** Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menungani isu kenaikan harga ayam dengan membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Menteri Perdagangan

sar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Namun, tegasnya KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memanipulasi harga di semua peringkat rantaian.

"KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan



NANTA

“Pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.”

**Datuk Seri Alexander Nanta Linggi**  
Menteri Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pendekatan itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

"Pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya," kata Nanta yang mengambil maklum laporan berhubung harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini, dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata tindakan tegas seperti kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama menjayakan pendekatan baharu tersebut.

Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan be-

melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga yang mengutip harga setiap hari yang mana trend pergerakan harga diketahui dan tindakan segera diambil ke atas premis yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan pemantauan ini tanpa menunggu aduan daripada pengguna," katanya.

Nanta berkata peman-tauan harga runcit pada 10 Sept (2021) mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada RM8.83 kilogram (kg).

Di Semenanjung, menurutnya harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 kg dan jualan harga jualan adalah antara RM5.99/kg hingga RM11 kg.

Beliau berkata premis yang menjual pada harga melebihi RM9/kg terdiri daripada pasar basah dan awam, dan harga paling tinggi adalah RM11/kg dikesan di jual di Pasar Besar Raub, Pahang.

Nanta berkata pasar raya dan pasar raya besar masih menawarkan ayam bersih standard pada harga yang berpatutan.

Premis yang menjual pada

harga paling rendah pada RM5.99/kg adalah Pasaraya Tesco Lotus di seluruh negara, manakala pasaraya Giant, Mydin dan Iconsave menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99/kg.

"Pengguna dinasihatkan untuk bijak dalam memilih tempat dan masa untuk membeli ayam pada harga patut," katanya.

Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33/kg dengan harga paling tinggi adalah RM11.80/kg dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah RM10.90/kg dijual di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56/kg dengan harga paling tinggi adalah RM9.80/kg dijual di Central Market, Sarikei manakala harga paling rendah adalah RM7.50/kg dijual di Everwin Supermarket, Mukah.

Nanta berkata KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan faktor hulu seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hulu dapat diminimumkan dan terurus.

Industri dan bekalan ayam dikawal selia oleh MAFI manakala KPDNHEP berkaitan polisi harga ayam di pasaran. — Bernama



14 SEP, 2021

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Peniaga peringkat borong dan runcit adakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam

PUTRAJAYA: Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menangani isu kenaikan harga ayam dengan membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga. Menteri Perdagangan

sar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

14 SEP, 2021

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

**PUTRAJAYA:** Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menangani isu kenaikan harga ayam dengan membatalkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pendekatan itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

"Pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya," kata Nanta yang mengambil maklum laporan bertubung harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini, dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata tindakan tegas seperti kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama menjayakan pendekatan baharu tersebut.

Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak berancang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Namun, tegasnya KPDNHEP tidak akan teragak-agak



NANTA

untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memanipulasi harga di semua peringkat rantaian.

"KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga yang mengutip harga setiap hari yang mana trend pergerakan harga diketahui dan tindakan segera diambil ke atas premis yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan pemantauan ini tanpa menunggu aduan daripada pengguna," katanya.

Nanta berkata pemantauan harga runcit pada 10 Sept (2021) mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada RM8.83 kilogram (kg).

Di Semenanjung, menurutnya harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 kg dan julat harga jualan adalah antara RM5.99 kg hingga RM11 kg.

Beliau berkata premis yang menjual pada harga melebihi RM19 kg terdiri daripada pasar basah dan awam, dan harga paling tinggi adalah RM11 kg dikesan dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

Nanta berkata pasar raya dan pasar raya besar masih menawarkan ayam bersih standard pada harga yang berpatutan.

Premis yang menjual pada harga paling rendah pada RM5.99 kg adalah Pasaraya Tesco Lotus di seluruh negara, manakala pasaraya Giant, Mydin dan Econsave menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99 kg.

"Pengguna dinasihatkan untuk bijak dalam memilih tempat dan masa untuk membeli ayam pada harga patut," katanya.

Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33 kg dengan harga paling tinggi adalah RM11.80 kg dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah RM10.90 kg dijual di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56 kg dengan harga paling tinggi adalah RM9.80 kg dijual di Central Market, Sarikei manakala harga paling rendah adalah RM7.50 kg dijual di Everwin Supermarket, Mukah.

Nanta berkata KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan faktor hulu seperti harga dedaun ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimumkan dan terurus.

Industri dan bekalan ayam dikawal selia oleh MAFI manakala KPDNHEP berkaitan polisi harga ayam di pasaran. --- Bernama



14 SEP, 2021

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA: Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menangani isu kenaikan harga ayam dengan membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pendekatan itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## KPDNHEP laksana kawalan harga ayam jika terus meningkat



Gambar hiasan

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan kawalan harga ayam jika ia terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapat kartel memunipulasi harga di semua peringkat rantaian.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata bagi mengatasi masalah itu

kementeriannya mengadakan satu pendekatan baharu dengan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada peniaga pada peringkat borong dan runcit bagi mengadakan libat urus bersama pengeluar serta penternak ayam di lokasi dan lokaliti berlaku kenaikan harga.

Beliau berkata, pendekatan itu bagi membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

Katanya, langkah itu juga dapat memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran dengan sewenang-wenangnya.

"Semua peniaga di peringkat rantaian dinasihat mengamalkan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan membantu kerajaan mengekalkan harga ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak berterusan," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Pendekatan baharu pengeluaran surat pemberitahuan oleh KPDNHEP itu bertujuan mengekang kenaikan harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini sehingga memberi impak tinggi kepada pengguna ketika fasa pandemik COVID-19.

Alexander berkata, jika terdapat peniaga yang gagal memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu itu, tindakan tegas akan diambil termasuk mengenakan kompaun maksimum dan tindakan undang-undang di mahkamah.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan faktor huluhan seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimumkan dan terurus.

Katanya, walaupun industri dan bekalan ayam di kawal selia oleh MAFI, KPDNHEP bersedia berperanan berkaitan dasar harga ayam di pasaran.

"KPDNHEP tidak bercadang memperkenalkan kawalan harga tambahan, selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

"Kita sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga setiap hari dan mengambil tindakan segera terhadap premis yang menjual pada harga tidak munasabah tanpa menunggu aduan pengguna," katanya.

Alexander berkata, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa ditugaskan memeriksa dan memantau setiap hari di peringkat runcit supaya tiada aktiviti pencatutan harga dan kekal menjalankan perniagaan secara beretika di seluruh negara.

Katanya, pemantauan harga runcit diadakan pada 10 September lalu mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram.

"Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan julat harga jualan antara RM5.99 sekilogram hingga RM11 sekilogram.

"Berdasarkan pemerhatian, kementerian mendapati premis menjual pada harga tinggi melebihi RM9 sekilogram membabitkan pasar basah dan awam dengan harga paling tinggi RM11 sekilogram dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

"Premis pasar raya dan hypermarket masih menawarkan ayam bersih standard pada harga berpatutan iaitu paling rendah RM5.99 sekilogram seperti di pasar raya Tesco atau Lotus di seluruh negara.

"Selain itu, pasar raya Giant, Mydin dan Econsave masih menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99 sekilogram," katanya.

Alaxender turut menasihatkan pengguna supaya bijak memilih tempat dan masa membeli ayam pada harga patut.

Beliau berkata, di Sabah harga purata ayam bersih standard adalah RM11.33 sekilogram, manakala di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard RM8.56 sekilogram.

Katanya, KPDNHEP akan terus bertindak melalui pelaksanaan pelbagai operasi penguatkuasaan yang sebelum ini mengeluarkan 208 notis bertulis kepada peniaga, lima item dikesan mencatut dan dua kertas siasatan dibuka bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 14 (1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pengaturan 2011 serta satu lagi kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 21(5), akta sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Harga ayam: KPDNHEP adakan sesi libat urus bersama pengeluar, penternak



*Pendekatan ini bertujuan untuk membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah. - Foto fail*

**KUALA LUMPUR :** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil pendekatan baharu bagi menangani masalah kenaikan harga barang terutama harga ayam di pasaran.

Menurut menterinya, Datuk Seri Alexander Nanti Linggi, pendekatan baharu ini

membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus (engagement) bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Jelasnya, pendekatan ini bertujuan untuk membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah di samping memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.

"Adalah diharapkan, peniaga di semua peringkat rantaian mengekalkan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan membantu kerajaan agar harga ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak dan berterusan.

"Sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu ini, tindakan tegas akan diambil dan kompaun maksimum dan/atau pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas peniaga terlibat.

"KPDNHEP akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memastikan faktor hulu seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimalkan dan terurus," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, KPDNHEP tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang telah dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Bagaimanapun, kementerian tidak teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memunipulasi harga di semua peringkat rantaian.

Pemantauan harga runcit pada 10 September 2021 mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat Nasional adalah pada paras RM8.83/kg.



Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78/kg dan julat harga jualan adalah antara RM5.99/kg hingga RM11.00/kg.

Berdasarkan pemerhatian Kementerian, premis yang menjual pada harga tinggi melebihi RM9.00/kg terdiri daripada pasar basah/awam. Harga paling tinggi adalah RM11.00/kg dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33/kg. Harga paling tinggi adalah RM11.80/kg dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah adalah RM10.90/kg dijual di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56/kg. Harga paling tinggi adalah RM9.80/kg dijual di Central Market, Sarikei manakala harga paling rendah adalah RM7.50/kg dijual di Everwin Supermarket Mukah.

KPDNHEP akan terus bertindak melalui pelaksanaan pelbagai operasi penguatkuasaan seperti OPS PASAR (Ayam), OPS CATUT 8.0 (Pengeluar/ Penternak/ Pengilang dan Pemborong Ayam), OPS PASAR 2021 (Telur Ayam) dan OPS RANTAI (Makanan atau Dedak Ayam) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) yang telah menghasilkan 208 notis bertulis kepada peniaga, lima item dikesan mencatut dan dua kertas siasatan telah dibuka bagi siasatan lanjut dibawah S.14 (1), AKHAP 2011 dan satu lagi kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 21(5), AKHAP 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	KOSMO	ONLINE	

## Libat urus peniaga, pengeluar tangani isu harga ayam, telur



PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang telah dilaksanakan ketika musim perayaan besar di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

KPDNHEP sebaliknya akan menggunakan pendekatan baharu membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar

dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pendekatan itu bertujuan untuk membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

Beliau berkata, pendekatan itu juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.

“Jika peniaga enggan memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu ini, tindakan tegas akan diambil dan kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas peniaga terlibat.

“Kementerian juga tidak teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memanipulasi harga di semua peringkat rantaian,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Alexander berkata, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memastikan faktor hulu dapat diminimumkan dan terurus.

Beliau berkata, ia termasuklah harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiran.

KPDNHEP juga katanya, mencadangkan supaya pihak penternak memberi kerjasama supaya harga anak ayam tidak dinaikkan mendadak dalam julat masa singkat bagi mengelakkan berlaku tekanan harga di peringkat borong dan runcit ketika ini. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	NANYANG.COM	ONLINE	

## 要闻

鸡肉价格上涨 贸消部指示业者磋商

2021年09月13日

(布城13日讯) 国内贸易及消费人事务部将向批发和零售商发出通知函，让他们在鸡肉价格高涨的地区，与生产商及鸡农磋商，借此检查生产成本，确保批发和零售商的利润合理，以稳定鸡肉价格。

部长拿督亚历山大南达林奇今日发文告指出，该部认真看待该基本消费品价格上涨问题，因这直接影响到人民的生活成本，尤其在冠病大流行期间。

有鉴于此，他已发出指示，采取上述新方案来解决商品，尤其鸡肉价格上涨问题。此举也能提醒鸡肉各层分销商，勿随意调涨价格。

他希望各层供应链商家保持高度的商业操守，协助政府稳定鸡肉价格。

“若商家拒绝通过上述新方案解决问题，贸消部将采取严厉行动，包括罚款及提控。”

他说，贸消部将与农业及食品工业部讨论，确保上游因素，即饲料进口价格、鸡品种价格和雏鸡价格等，不会对下游的鸡肉价格造成太大的影响。

他指出，鸡肉工业和供应由农业及食品工业部监控，而贸消部则对鸡肉价格和政策进行监控。

“除在佳节期间，通过佳节价格统制计划 (SHMMP) 对商品进行价格统制，贸消部无意额外实施价格管控。不过，若价格持续超过合理水平，或各层面存在垄断及操纵的情况，贸消部将毫不犹豫插手涉入。”

他说，贸消部派出超过1000名价格监督员，监督日常用品的市场价格，及每日派出超过2200名执法官员在全国检查价格及供应，如发现商家不合理涨价，无需等待消费者投诉，将立即采取行动。

他指出，根据在9月10日的价格监督发现，全国标准净鸡平均价格为每公斤8令吉83仙。在半岛，标准净鸡的平均价格为每公斤8令吉78仙，售价介于每公斤5令吉99仙至11令吉。

“根据观察，巴刹以每公斤超过9令吉的价格售卖净鸡，其中彭亨州的劳勿大巴刹以最高价格售卖净鸡，即每公斤11令吉。”

他说，超市和霸市仍以实惠价格售卖净鸡，全国各地的特易购分行以最低价格售卖净鸡，即每公斤5令吉99仙。其余超市，如巨人、迈汀及宜康省仍以每公斤7令吉39仙至7令吉99仙价格售卖鸡肉。

他指出，在沙巴，标准净鸡的平均价格为每公斤11令吉33仙。山打根的Gentingmas Mall净鸡价格最高，即每公斤11令吉80仙，山打根西埔架巴刹（Pasar Basah Sibuga）价格最低，即每公斤10令吉90仙。

“在砂拉越州，标准净鸡的平均价格为每公斤8令吉56仙，泗里街中央市场（Central Market, Sarikei）价格最高，即每公斤9令吉80仙；穆卡的永胜超市（Everwin Supermarket Mukah）则价格最低，即每公斤7令吉50仙。”

他说，该部将继续在2011年价格统制及反暴利法令下，展开各项执法行动。

“初步分析显示，鸡肉价格调涨，主要是饲料的主要原料成本增加，价格在今年内调涨数倍所致，这包括玉米、大豆和毛棕油，其中玉米和大豆是国外生产及进口的商品。”

他指出，该部将与相关工业业者，特别是鸡肉产商磋商，并建议鸡农配合，避免鸡只价格在短时间内大幅调涨，对批发和零售层面带来价格压力。

该部也建议消费者使用手机应用程序Price Catcher查阅市场商品价格，获取必需品的价格，包括住家范围10公里内的商店所售卖的鸡肉价格，以便能节省和进行有规划的购买。

ISU KENAIKAN HARGA AYAM

Termahal di

di pasar basah!

Oleh Redman Muhammed  
redman.muhammed@metro.com.my

Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada peniaga ayam untuk mengadakan latihan bersama pengubah dan pentarik di lokasi berlakunya masalah kenaikan harga.

Mentertinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pendekatan ini bertujuan untuk membolehkan peniaga menyepak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

Beliau berkata, pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.

"Kementerian memandang serius situasi yang sedang berlaku khususnya membabitkan kenaikan harga barangan keperluan asas pengguna kerana ia memberi impak yang teruk kepada kos sara hidup rakyat terutama dalam fasa pandemik Covid-19.  
"Di atas keprihatinan ini, saya mengarahkan pendakwaan bawahi diambil bagi menangani masalah kenaikan harga barang terutama barangan ayam yang sering kali be-



TINDAKAN segera akan diambil ke atas peniaga yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan penamaan KPDNHEP.

- Gambar NST/ROHANS SHUKRI

jualan atau pengedaran surat pemberitahuan berkenaan.  
"Diharap, peniaga di semua peringkat rantaian mengembalikan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan membantu kerajaan supaya harga ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak dan berterusan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Menurut Alexander, tindakan tegas akan diambil antaranya kompeni maklumat atau pendakwaan di mahkamah kepada peniaga ingkar dan enggan menanggapi pendakwaan bawahi. Beliau berkata, KPDNHEP juga akan mengadakan perbincangan secara bertulis dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam faktor-faktor huluhan seperti harga

Pelanggan kurangkan kuantiti pembelian

ngan harga ditetapkan pembekal atau pemborong.

"Saya ada dengar kenaikan harga ayam disebabkan isu dedak. Padahal kami tidak berurusan terus dengan peniaga ini dan tidak pasti kebenarannya.

"Bagaimanapun, pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ada datang ke pasar dan meminta peniaga menunjukkan surat pembelian ayam bagi mengesahkan identiti pembekal," katanya.

MOHID SHUKRI yang berniaga ayam di Pasar Chow Kit.



ibu kos dalam dilema dan terpaksa menjual ayam pada harga tinggi bagi mendapatkan sedikit keuntungan.

Salah seorang peniaga di Pasar Chow Kit, Mohid Shukri Md Zin, 55, berkata, basil keuntungan diperoleh turut digunakan untuk membayar gaji pekerja.

Dia mendakwa menyedari kenaikan harga ayam sejak bulan lalu dan masalah itu memberi kesan kepadanya apabila pelanggan mula mengurangkan kuantiti pembelian.

"Seakat semalam, harga ayam daging mesiah RM69.50, sekilogram berbanding RM69.30, ketamam.

kenaikan harga ini menyebabkan pelanggan yang dahulunya membeli lima ayam, sekali gus hanya membeli dua ayam sahaja.

"Sebagai peniaga, saya tidak berani ambil bekalan ayam dalam kuantiti banyak berikutan bimbang tidak habis dijual," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Mohid Shukri berkata, dia tidak pasti sampai bila isu kenaikan harga ayam ini akan berterusan bertukar la ditetapkan oleh pembekal.

"Saya berharap pengguna tidak mudah atau terus menyalahkan peniaga seperti kami yang turut terbeban de-

mendapati harga purata yang bersih standard peringat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram.

"Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan jumlah harga jualan adalah antara RM6.50 sekilogram hingga RM11 sekilogram.

"Berdasarkan pemerhatian an Kementerian, premis yang menjual jus harga tinggi melebihi RM9 sekilogram terdidi daripada pasar basah arau ayam.

"Harga paling tinggi adalah RM11 sekilogram dijual di Pasar Besar Raub, Pahang. Pada masa sama, premis pasar raya dan hypermarket masih menawarkan ayam

bersih standard pada harga yang berpatrian.

"Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah RM11.35 sekilogram dan purata tertinggi adalah RML1.80 sekilogram dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah adalah RM10.50 sekilogram di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

"Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56 sekilogram, paling tinggi adalah RM9.80 sekilogram dijual di Central Market, Sarikei manakala rendah adalah RM7.50 sekilogram dijual di Everwin Supermarket Mukah," katanya.

mentiasa menantau harga barangan melalui lebih 1,000 pegawai penantau setiap hari bagi mengetahui trend pergerakan harga.

Alexander berkata, tindakan segera akan diambil ke atas peniaga yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan pemantauan daripada pengguna.

"Lebih 2,000 pegawai penantau tugas memeriksa dan memantau setiap hari di seluruh negara supaya peniaga tidak mencaut harga dan kekal menjalankan perniagaan secara beretika.

"Pemantauan harga runtu pada 10 September lalu



ALEXANDER

# Libat urus tangani isu harga ayam, telur semakin meningkat

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang telah dilaksanakan ketika musim perayaan besar di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

KPDNHEP sebaliknya akan menggunakan pendekatan baharu membatalkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam atau lokalti berlakunya kenaikan harga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pendekatan itu bertujuan untuk membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

Beliau berkata, pendekatan itu juga bertujuan memberi peringat kepada peniaga ayam supaya



**KERATAN Kosmo/10 September 2021.**

tidak menaikkan harga di mana mana peringat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.

"Jika peniaga enggan memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu ini, tindakan tegas akan diambil dan kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas peniaga terlibat.

"Kementerian juga tidak teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya karte! yang memanipulasi harga di semua peringat rantaian," katanya

dalam satu kenyataan semalam.

Alexander berkata, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam memastikan faktor huluhan dapat diminimumkan dan terurus.

Beliau berkata, ia termasuklah harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringat hiliran.

"Hasil analisis awal mendapati berlaku peningkatan terhadap kos bagi bahan-bahan utama makanan (dedak) ayam yang telah meningkat hampir beberapa kali sepanjang tahun ini iaitu jagung, soya dan minyak sawit mentah.

"Dua bahan tersebut iaitu jagung dan soya merupakan item yang diimport daripada negara pengeluar luar negara," jelasnya.

KPDNHEP juga katanya, mencadangkan pihak penternak memberi kerjasama supaya harga anak ayam tidak dinaikkan mendadak dalam julat masa ini.

## Nekad enggan makan gaji untuk berniaga kek dan pastri

**KEPALA BATAS-** Seorang kerani nekad berhenti kerja pada 12 tahun lalu selepas projek sukasuka bersama adiknya dalam bidang kek dan pastri mendapat permintaan tinggi dari pelanggan.

Pemilik Ifa Homemade Bakeri, Fasihah Nordin, 34 ber-kata, dia mula menjalankan perniagaannya dari rumah secara sambilan sahaja berikutan ketika itu, bekerja secara tetap di sebuah syarikat kontraktor.

**Sebelum itu, dia bersama** adik perempuannya hanya membuat kek untuk dimakan bersama keluarga ketika sambutan hari lahir atau ulang tahun perkahwinan sahaja.

"Namun semuanya bermula apabila majikan saya mendapat tender pastri dari sebuah sekolah. Dia meminta saya membuat roti untuk dijual di kantin sekolah berkenaan.

"Pada ketika itu, saya tidak mahir dalam membuat roti, buat kek pun untuk keluarga sendiri

saja. Disebabkan tidak mahu mengecewakan majikan, saya minta adik saya masuk kelas pastri.

"Dia pun bekerja juga, sama seperti saya. Jadi selepas waktu kerja, baru kami mula buat roti di rumah. Dari situ, saya mula nampak rezeki saya dalam bidang ini," ujarnya.

Jelasnya, walaupun penat kerana perlu membahagikan masa antara kerja pejabat, perniagaan dan rumah tangga, dia bersyukur kerana semakin hari penjualan rotinya semakin mendapat sambutan.

"Perniagaannya semakin mendapat sambutan kerana dari sebuah sekolah, saya perlu membekalkan roti ke beberapa buah sekolah lagi.

"Selain roti, saya juga ada buat kek yang dipotong kecil untuk dijual di sekolah. Sambutan amat memberangsangkan menyebabkan saya semakin sibuk setiap hari," katanya lagi.

Menurut Fasihah, selepas mendapat permintaan yang



Fasihah menerangkan mengenai jenis kek yang dihasilkan olehnya ketika menerima lawatan dari MAFI pada bulan lalu.

tinggi, dia yang menjalankan perniagaan di Paya Keladi, Kepala Batas akhirnya nekad berhenti kerja dan menjalankan perniagaan kek dan pastri sepenuh masa.

"Semakin lama, saya tidak mampu untuk bekerja sambil berniaga. Tambahan pula, pendapatan berniaga lebih banyak dari gaji bulanan. Selain itu, se-

muanya saya buat sendiri di rumah selepas adik terpaksa berpindah ke Pahang," jelasnya.

Fasihah kemudiannya mengambil keputusan untuk membuka kedai di atas tanah suami dan mula beroperasi di sini pada Disember tahun lalu.

"Syukur, saya mendapat bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) dari Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bernilai RM15,000 pada 2019 iaitu dalam bentuk ketuhar, 'chiller' dan beberapa barangan lagi. Dengan bantuan ini, ia melancarkan lagi perniagaan saya ini," katanya.

Mengulas mengenai perniagaan ketika negara dilanda wabak penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Fasihah berkata, jualan perniagaannya menurun 30 peratus berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini, pendapatan saya mencecah puluhan ribu setahun namun sejak PKP bermula dari Mac tahun lalu, memang terasa sikit lah. Pendapatan menurun sehingga 30 peratus.

"Kedai saya masih beroperasi seperti biasa, namun pelanggan takut nak 'walk in'.

"Oleh itu saya terpaksa melakukan perniagaan dalam talian serta perkhidmatan penghantaran (cash on delivery)," ujarnya lagi.

14/9/2021

SINAR HARIAN

NEGERI PAHANG

23

# RM3.9 juta bantu industri perikanan di Pahang

Tambahan peruntukan RM1.1 juta berbanding RM2.8 juta tahun lalu itu diberi kepada kumpulan sasar supaya terus berdaya saing

Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang memperuntukkan RM3.9 juta pada tahun ini bagi membantu industri perikanan di negeri ini ekoran penularan pandemik Covid-19. Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, peruntukan tahun ini bertambah sebanyak RM1.1 juta berbanding RM2.8

juta pada tahun lalu. Menurutnya, bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dalam industri perikanan di negeri ini supaya dapat terus berdaya saing meskipun berhadapan pandemik Covid-19.

"Kebiasaan bantuan yang kita berikan meliputi stok khidmat sokongan



Abdullah Jaafar (kedua dari kanan) bersama Mohd Shahrir (kedua dari kiri) ketika melawat terminal sangkar di Felda Panching Selatan pada Isnin.

akuakultur dan biosekuriti, geran pemedan kawasan zon industri akuakultur, pengembangan akuakultur, elan sura hidup nelayan, bantuan input peralatan dan bantuan bemih ikan.

"Sebagai jabatan teknikal, usaha dilipat gandakan untuk membimbing usahawan dan golongan muda dalam bidang perikanan termasuk menambah nilai pengeluaran melalui pemprosesan produk dan pembungkusan supaya dapat dipasar lebih meluas secara dalam talian," katanya pada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum itu, beliau bersama Timbalan Menteri Kewangan, Mohd Shahrir Abdullah melawat projek ternakan sangkar di Felda Panching Selatan.

Abdullah berkata, pihaknya menyokong ternakan ikan khususnya patin dalam sangkar secara kluster yang menunjukkan potensi dan daya maju yang tinggi.

Tambah beliau, jumlah pengeluaran ikan untuk makanan di Pahang bagi subsektor perikanan laut, akuakultur dan sungai tahun 2020 ialah sebanyak 117,317 metrik tan yang bernilai kira-kira RM940 juta.

## ADUN Bebar agih satu tan ikan untuk 310 keluarga di kawasan PKPD

KUANTAN: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff menggugulkan satu tan metrik ikan segar sejuk beku kepada 310 keluarga di dua kampung yang dikenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan (PKPD) di Pekan.

Kampung Permatang Durian dan Kampung Badong Dalam, Merchoing dikenalkan PKPD bermula 2 hingga 15

September ini.

Mohammad Fakhruddin berkata, setiap keluarga terlibat akan menerima tiga kilogram ikan segar.

Menurutnya, inisiatif ini dilaksanakan menerusi kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang.

"Kita akui penduduk terkesan dengan PKPD ini kerana pergerakan mereka terhad. Jadi kita agihkan sedikit

keperluan harian bagi memastikan mereka tidak terputus punca bekalan makanan sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD.

"Bantuan tambahan pula diberikan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), kerajaan negeri Pahang dan Parlimen Pekan termasuk agensi lain bagi meringankan beban mereka," katanya ketika dihubungi pada Isnin.



# Jabatan Perikanan tawar harga tinggi buru patin muncung

**TEMERLOH** – Jabatan Perikanan Pahang bertindak proaktif menawarkan membeli ikan patin muncung dengan harga yang lebih tinggi daripada pasaran dalam usaha membiakkan semula ikan yang diancam kepupusan itu.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, langkah itu dibuat bagi mencari induk ikan patin berkenaan untuk dibikakan seterusnya memastikan ikan berkenaan terus mendiami perairan sungai di negeri ini.

"Kita menawarkan kepada nelayan sungai dan sesiapa sahaja yang dapat menangkap ikan patin muncung hidup-hidup untuk membeli spesies ikan itu dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran.

"Mana-mana pihak yang dapat menangkap ikan patin muncung diharap dapat menghubungi pejabat perikanan berhampiran dan memastikan ikan itu hidup," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini *Kosmo!* melaporkan ikan patin muncung yang menjadi buruan kerana keena-kan isinya kini dianggap seperti



**PATIN muncung yang didakwa pupus di sungai Pahang.**



**ABDULLAH**

emas apabila bernilai tinggi sehingga mencecah RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pahang.

Rata-rata nelayan dan peniaga

hidupan air tawar itu mendedahkan ikan patin muncung tidak lagi menerjah jaring atau masuk perangkap sejak tujuh tahun lalu berbanding patin buah yang masih mudah didapati di sepanjang Sungai Pahang.

Menurut Abdullah, usaha membiakkan semula ikan patin muncung agak sukar memandangkan spesies ikan sungai itu makin sukar ditemui.

Katanya, proses biak semula ikan itu perlukan induk ikan yang masih hidup bagi menghasilkan benih ikan itu di pusat pembenihan ikan Jabatan berkenaan.

"Sangat sukar dapat induk itu, tetapi jika cuba, jika jumpa boleh kita biak balik," jelasnya lagi.

# Kehadiran ikan asing invasif ancam perairan tempatan



Olee Nadrah Musa dan Najiah Musa  
bhrencana@bh.com.my

Bertahun lamanya, industri perikanan tangkapan membekalkan sumber protein pada harga murah kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Sektor ini juga membantu menjana pendapatan dan ekonomi negara, malah membuka peluang pekerjaan, terutama kepada komuniti pesisir pantai.

Namun, eksploitasi sumber perikanan tangkapan negara secara berlebihan menyebabkannya semakin berkurangan dan memberi kesan langsung kepada ekonomi negara. Ketidakecukupan pengeluaran ini juga didorong peningkatan permintaan dan keperluan domestik akibat pertambahan populasi penduduk.

Justeru, industri perikanan bukan tangkapan seperti akuakultur berpotensi menyaingi kegunaan industri perikanan tangkapan dalam membekalkan sumber bekalan protein negara.

Ternakan akuakultur sama ada air tawar dan payau di Malaysia, pada amnya membabitkan sistem ternakan kolam, sangkar dan tangki, selain bekas lombong, kandang serta estet.

Antara spesies ternakan utama bagi akuakultur air tawar adalah tilapia merah, keli, patin dan tilapia hitam, manakala bagi ternakan air payau atau masin pula adalah rumpai laut, udang marin, ikan marin dan juga kerang.

Perangkaan dikeluarkan Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan kira-kira 20,000 pengusaha terlibat sektor ternakan akuakultur di Malaysia.

Seperti industri bekalan makanan lain, sektor akuakultur ini juga tidak terkecuali menerima tempas dari segi isu dan cabaran.

Cabaran utama perlu dihadapi pengusaha akuakultur adalah menghasilkan sumber bekalan ikan berterusan, sihat dan berkualiti di pasaran.

Di samping itu, permintaan yang baik terhadap

spesies ikan bernilai tinggi menyebabkan sesetengah pengusaha akuakultur memilih memternak spesies ikan asing. Namun, pengusaha juga perlu peka dan mengetahui bahawa terdapat spesies ikan asing bersifat invasif.

Spesies asing invasif (IAS) merujuk kepada haiwan atau tumbuhan yang bukan tempatan iaitu spesies yang pada asalnya hanya boleh dijumpai di kawasan tertentu, namun berhijrah atau diperkenalkan di sekitaran baharu serta berupaya berkembang biak dengan cepat di kawasan terbahit.

Ciri *phenotypic plasticity* (ketahanan kepada keadaan persekitaran luas) yang signifikan pada ikan asing invasif membolehkan ia membiak dan membesar cepat di sekitaran baharu, malah berupaya menggunakan sumber makanan sedia ada di sekeliling dengan cekap.

Jika tidak dikawal dan terlepas ke sekitaran yang baharu, ikan ini bersaing dengan spesies ikan tempatan bagi mendapatkan sumber makanan serta perlindungan di habitat tempatan. Malah kebanyakan ikan asing invasif ini bersifat pemangsa, lantas memakan ikan tempatan lebih kecil, menyebabkan populasi dan bilangan spesies ikan tempatan berkurangan.

Oleh itu, komponen rantaian makanan dalam sistem ekologi perairan tempatan sedia ada akan berubah dan akhirnya terjejas.

Ikan asing invasif juga dikhawatiri membawa bersama penyakit baharu yang boleh merebak kepada spesies tempatan. Risiko lain apabila berlaku hibridisasi iaitu penghasilan spesies baharu akibat percantuman benih spesies asing dengan tempatan.

Spesies baharu yang terhasil ini lebih berisiko untuk tersebar ke sekitaran lebih luas kerana dilengkapi ciri adaptasi lebih baik berbanding induk asing asal. Semua keadaan ini akan menyebabkan kemerosotan habitat tempatan dan memberi impak kepada aktiviti sosioekonomi komuniti yang bergantung hidup kepada sumber akuatik sebagai mata pencarian.

Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil langkah proaktif melalui Jabatan Pertanian dengan melancarkan buku *National Action Plan on Invasive Alien Species 2021-2025*.

Buku ini mengandungi maklumat senarai spesies haiwan, tumbuhan, serangga perosak malah jangkitan penyakit berasal daripada haiwan yang dikategorikan invasif dan dikenal pasti di Malaysia bagi tujuan rujukan pihak berkeperluan dan umum.

Antara spesies ikan asing invasif diperkenalkan untuk ternakan sektor akuakultur dan lama berasimilasi dalam sistem perairan tempatan ialah ikan keli Afrika, *Clarias gariepinus* dan tilapia hitam (*Oreochromis mossambicus* dan *Oreochromis niloticus*).

Kedua-dua spesies ikan ini tersebar secara meluas di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kehadiran ikan baung ekor merah, *Hemibagrus wyckioides* lebih mendapat perhatian masyarakat melalui beberapa laporan hasil pancingan di Sungai Perak, selepas kejadian sangkar ternakan hanyut dan pecah di Teluk Intan menyebabkan ribuan ikan pelbagai spesies tempatan dan bukan tempatan terlepas ke aliran sungai.

Secara umum, ternakan spesies ikan asing boleh membantu pengusaha meraih keuntungan, namun jika terlepas ke sistem perairan, spesies ikan asing invasif akan memberi kesan ekologi yang serius kepada ekosistem perairan tempatan.

Keadaan di mana berlaku kebaikan kepada satu pihak dan pada masa sama memberi keburukan kepada pihak lain ini, biasanya dirujuk sebagai sindrom Janus.

Oleh itu, amat penting bagi pengusaha akuakultur untuk sentiasa peka dengan peraturan perikanan ditetapkan dan disaran merujuk secara langsung kepada jabatan perikanan jika wujud sebarang kekeliruan.

Tenaga kerja terbahit dalam sektor akuakultur juga perlu diberi pemahaman mendalam mengenai ternakan spesies ikan asing. Malah, pemilihan sistem ternakan akuakultur bersesuaian boleh membantu mengurangkan impak kepada kepelbagaian fauna sedia ada.

Kesedaran tinggi mengenai kesan buruk disebabkan kehadiran spesies ikan asing invasif kepada ekologi perairan tempatan perlu sentiasa disemai kepada bakal pengusaha serta pengusaha akuakultur sedia ada.


Sesi ceramah secara berterusan dan pementasan secara berkala oleh jabatan perikanan inisiatif tepat dalam menangani isu kehadiran spesies ikan asing invasif dalam sektor akuakultur.

Penyelidikan berterusan yang memfokuskan sumber spesies baharu ikan tempatan bernilai tinggi dan pada masa sama memberikan nilai tambah kepada spesies ikan ternakan tempatan sedia ada juga perlu diselaras.

Masih banyak ruang dan peluang boleh diforkai penyelidik di institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan bagi menjalankan kajian saintifik ke atas spesies ikan asing sama ada bersifat invasif atau pun tidak dan hubung kaitnya dengan kesan terhadap sistem ekologi perairan tempatan.

Maklumat sebegini akan dapat membantu kita memahami secara saintifik dan jelas bagaimana spesies ikan asing invasif boleh beradaptasi serta berinteraksi dengan spesies tempatan dan sekitaran, selain membantu membangunkan dan menambah baik dasar dan peraturan sedia ada.

Secara dasarnya, tindakan secara kolektif melalui kerjasama semua pihak dan pemegang taruh akan dapat membantu meningkatkan jumlah pengeluaran sektor akuakultur, pada masa sama memastikan kelestarian ekologi sistem perairan negara terus terpelihara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## PKPD: 1 tan ikan diagih kepada penduduk dua kampung di Pekan



Lebih satu tan metrik ikan segar sejuk beku diagihkan kepada penduduk di dua kampung yang dikenakan PKPD.

KUANTAN - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff mengagihkan satu tan metrik ikan segar sejuk beku kepada 310 keluarga di dua kampung yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pekan.

Kampung Permatang Durian dan Kampung

Badong Dalam, Merchong dikenakan PKPD bermula 2 sehingga 15 September ini.

Mohammad Fakhruddin berkata, setiap keluarga terlibat akan menerima tiga kilogram ikan.

Menurutnya, inisiatif ini dilaksanakan menerusi kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang.

"Kita akui penduduk terkesan dengan PKPD ini kerana pergerakan mereka terhad. Jadi kita agihkan sedikit keperluan harian bagi memastikan mereka tidak terputus punca bekalan makanan sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD.

"Bantuan tambahan pula diberikan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), kerajaan negeri Pahang dan Parlimen Pekan termasuk agensi lain bagi meringankan beban mereka," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau berkata, kerajaan Pahang sentiasa prihatin dan terus membela nasib rakyat ketika berdepan dengan krisis kesihatan serta ekonomi kini.

Menurutnya, sumbangan kewangan dan barangan makanan dari kerajaan Pahang dan Parlimen Pekan disalurkan terutamanya kepada warga emas dan pesakit kronik.

"Kesemua sumbangan ini membuktikan keprihatinan berterusan kerajaan Barisan Nasional (BN) Pahang demi membela nasib rakyat. 'Tiada janji tetapi lihatlah bukti', ibarat kata Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail," katanya.

Ditanya mengenai liputan internet jalur lebar dan telekomunikasi di Kampung Serambi, Kampung Pulau Rumput dan Kampung Temai, Mohammad Fakhruddin berkata, kerajaan Pahang bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) sedang menaiktaraf stesen pemancar di sini.

Katanya, stesen pemancar itu dijangka siap awal tahun hadapan.

"Dalam lawatan ini, saya diberitahu Kampung Temai begitu juga Kampung Serambi kini telah mendapat liputan 4G.

"Ini membuktikan usaha dilakukan kerajaan Pahang bersama SKMM telah mula mendatangkan kesan yang baik untuk rakyat," katanya.

# Pesawah rugi RM100,000 padi ditenggelami banjir

Oleh MOHD. RIFAAT

ABD. HAMID

utusannews@mediamulia.com.my

**PENDANG:** Pesawah di empat buah kampung di sini mendakwa mengalami kerugian RM100,000 selepas sawah mereka ditenggelami banjir ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Pesawah dari empat kampung itu ialah Kampung Alor Berala, Kampung Alor Puduk, Kampung Sungai Mati dan Kampung Banggol Tok Ali yang membabitkan kawasan tanaman padi seluas 25 hektar itu.

Seorang pesawah, **Abd. Rami Baharom**, 68, dari Kampung Alor Berala berkata, kejadian banjir tersebut bertambah buruk lagi berikutan sistem pengairan di kawasan sawah tersebut tidak dapat menampung aliran air dari Sungai Padang Kerbau dan Sungai Pendang.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan kawasan sawahnya seluas kira-kira tiga hektar (ha) tersebut ditenggelami banjir sehingga mencecah 1.5 meter.

"Apa yang menyedihkan

**Jamaluddin Mahmud**, 65, pula berkata, ramai petani di sini mengeluh kerana punca utama berlakunya banjir di sini kerana masalah pengairan sudah dimaklumkan kepada pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tetapi masih belum ada sebarang tindakan diambil.

"Sungai Padang Kerbau dan Sungai Pendang sudah lama tidak dibersihkan sehingga menyebabkan aliran air tersekat dan melimpah di kawasan sawah," ujarnya.

"Pokok padi akan rosak sekiranya ia terus ditenggelami hingga beberapa hari," ujarnya.

**Mohammad Khairul Nizam Ahmad**, 22, berkata, petani terlibat berharap (MADA) dapat meninjau sistem pengairan yang menjadi masalah kepada petani apabila terpaksa menanggung kerugian apabila pokok padi ditenggelami banjir.

"Sungai yang terdapat di kampung itu yang menjadi nadi petani terbabit perlu didalam dan dibersihkan bagi mengatasi masalah yang dihadapi penduduk," katanya.



**BEBERAPA petani menunjukkan kawasan sawah padi yang mereka usahakan ditenggelami banjir di Kampung Alor Berala, Pendang baru-baru ini.**

pokok padi yang sudah berusia 90 hari dan boleh mula dituai mengalami kerosakan selepas ditenggelami banjir tersebut.

"Jika masalah ini tidak dapat diatasi, petani akan sering mengalami kerugian, malah tidak berminat untuk meneruskan penanaman padi kerana tidak sanggup lagi menanggung kerugian," katanya ketika ditemui di sini semalam.

14 SEP, 2021

## Sultan Mizan seru kerajaan Terengganu rangka strategi pemulihan ekonomi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Sultan Mizan seru kerajaan Terengganu rangka strategi pemulihan ekonomi

**KUALA TERENGGANU:** Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menyeru kerajaan negeri supaya merangka dan bersedia melaksanakan pelbagai strategi pemulihan yang berkesan serta komprehensif bagi memulihkan ekonomi negeri ekoran penularan pandemik COVID-19.

Sultan Mizan bertitah baginda berharap dalam belanjawan tahun-tahun yang akan datang, kerajaan negeri memfokuskan perbelanjaan untuk pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negeri.

"Projek-projek pembangunan perlu dirancang den-

gan teliti bagi memastikan kemampuan pertumbuhan ekonomi dan keperluan jangka masa panjang.

"Semua perbelanjaan secara 'one-off' (sekali beri) perlu diteliti semula berdasarkan kedudukan dan komitmen kewangan semasa kerajaan negeri," titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di Wisma Darul Iman, di sini semalam.

Teks titah baginda dibacakan Menteri Besar Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Sultan Mizan turut menyeru kerajaan negeri supaya memberi perhatian serius dalam usaha membangunkan sektor pertanian ke tahap lebih tinggi memandangkan sektor tersebut menjanjikan pulangan ekonomi yang berbaloi jika dilaksanakan dengan kaedah yang tepat.

Baginda berharap program dan insentif kepada petani, penternak dan nelayan dapat diteruskan dengan penambahbaikan pada masa akan datang.

Selain itu, Sultan Mizan juga mahu kerajaan negeri terus membantu golongan di bawah sektor industri

kecil dan sederhana (IKS) daripada pelbagai sudut seperti bantuan sokongan kewangan, kemudahan premis perniagaan dan lain-lain agar mereka dapat terus bertahan dan menjalankan perniagaan.

"Sektor IKS antara sektor yang terkesan daripada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang dikuatkuasakan. Ramai peniaga pasar terni, pasar malam, pengusaha restoran dan lain-lain yang kehilangan punca pendapatan, ramai yang terpaksa gulung tikar dan menganggur kerana tiada kemampuan kewangan untuk terus berta-

han," titah baginda.

Dalam perkembangan sama, baginda menasihati kerajaan negeri agar berusaha mengenteng pelbagai inisiatif untuk menarik pelaburan baharu dengan kolaborasi pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (Pmint); Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT), walaupun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi akibat COVID-19. — Bernama



14 SEP, 2021

## Sultan Mizan seru kerajaan Terengganu rangka strategi pemulihan ekonomi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menyeru kerajaan negeri supaya merangka dan bersedia melaksanakan pelbagai strategi pemulihan yang berkesan s e r t a komprehensif bagi memulihkan ekonomi negeri ekoran penularan pandemik COVID-19. Sultan Mizan bertitah baginda berharap dalam belanjawan tahun-tahun yang akan datang, kerajaan negeri memfokuskan perbelanjaan untuk pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negeri.

14 SEP, 2021

## Masyarakat Yan terjejas banjir semakin pulih

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Masyarakat Yan terjejas banjir semakin pulih

**YAN:** Masyarakat Yan yang terkesan dengan bencana banjir susulan fenomena kepala air dari Gunung Jerai di sini, kembali bersemangat meneruskan kehidupan selepas hampir sebulan bencana itu berlaku.

Pegawai Daerah Yan Tunku Iskandar Shah Tunku Muzaffar Shah berkata sebelum ini penduduk berasa bimbang dan trauma dengan kejadian tersebut, namun hasil sokongan serta bantuan daripada pelbagai pihak perasan tersebut kini becausur

pudar.

"Sekarang ini sudah hampir sebulan (bencana) berlaku, dengan pelbagai bantuan yang kita terima daripada sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan, kita dapat lihat mereka semakin bersemangat

"Sebelum ini mereka agak trauma dengan bencana yang berlaku tapi kini saya lihat semangat mereka kembali pulih," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Mekar Prihatin Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

bersama mangsa banjir Yan di sini semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kira-kira 4,000 sukarelawan yang datang membantu dan menyampaikan pelbagai bentuk sumbangan kepada mangsa susulan bencana tersebut yang berlaku pada petang 18 Ogos lepas.

"Sekarang ini kita sudah dalam fasa pemulihan (selepas bencana), kita nak masyarakat di sini kembali kepada rutin mereka, dapat bekerja dan berniaga seperti

biasa, selain pasar malam, pasar pagi dan pasar tani akan memulakan operasinya secepat mungkin," katanya.

Mengulas mengenai keselamatan di Gunung Jerai, Tunku Iskandar Shah berkata Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) masih menjalankan siasatan dan kajian mengenai kejadian yang berlaku, dan akan mengesyorkan tindakan yang harus diambil sebagai persediaan menghadapi risiko kejadian itu berulang.

"Memang ada perbincan-

gan dengan JMG dan laporan diberikan kepada saya sebagai Pengerusi Bencana Daerah. Kami sentiasa memantau perkara ini dan saya pasti JMG akan mengesyorkan pemasangan sistem amaran di gunung itu bagi memberi amaran awal kepada penduduk berhampiran," katanya.

Bencana banjir ekoran fenomena kepala air itu mengorbankan enam nyawa, selain kira-kira 800 rumah di daerah Yan dan 200 rumah di daerah Kuala Muda terjejas.

— Bernama





14 SEP, 2021

## Masyarakat Yan terjejas banjir semakin pulih

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

YAN: Masyarakat Yan yang terkesan dengan bencana banjir susulan fenomena kepala air dari Gunung Jerai di sini, kembali bersemangat meneruskan kehidupan selepas hampir sebulan bencana itu berlaku. Pegawai Daerah Yan Tunku Iskandar Shah Tunku Muzaffar Shah berkata sebelum ini penduduk berasa bimbang dan trauma dengan kejadian tersebut, namun hasil sokongan serta bantuan daripada pelbagai pihak perasaan tersebut kini beransur

pudar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	SUARA MERDEKA	ONLINE	

## Pusat Pendidikan Hijau UPSI mula dituai



Pusat Pendidikan Hijau (PPH), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang berkeluasan 1.4 ekar terletak di Padang Chempedak, Tasek Gelugur, Pulau Pinang sudah berhasil dan mula dituai hari ini.

Pusat berkenaan ditubuhkan hasil Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada bulan Mac lalu bagi menjalin kerjasama strategik antara UPSI bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Urbanest Sdn Bhd.

Sesi tuaian hasil hari ini disertai Pendaftar UPSI, Helmi Abdul Rahman; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, Dato' Sr. Haji Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSP, Baderul Amin Abd. Hamid (Pemangku Setiausaha MBSP) serta Pengarah Urusan, Karthigayan Gunasegaran mewakili Urbanest Sdn. Bhd.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata hasil daripada kejayaan luar biasa projek inovasi UPSI bersama MBSP seperti inovasi mesin kompos (EFCW) dan E-Sukan Pendidikan Hijau, UPSI dan MBSP mengorak langkah mengusahakan sebidang tanah seluas 1.4 ekar membangunkan PPH sebagai hub pendidikan, penyelidikan dan pengkomersialan teknologi yang komprehensif.

“Hasil kerjasama itu memberi manfaat yang menyeluruh kepada komuniti setempat dan UPSI berbangga dapat mencurahkan ilmu dan pengetahuan kepada komuniti serta mewujudkan inovasi baharu serta mencipta peluang kepada belia untuk menjadi petani bandar.

“Menerusi kerjasama rakan strategik UPSI-MBSP-URBANSET, pusat ini dapat memberi impak yang besar dan dijadikan sebagai model oleh masyarakat, pelajar, industri tempatan dan antarabangsa.

“Ia sekaligus akan menjadi pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti serta *upcycle* ke arah mengurangkan sisa,” katanya.

Helmi Zaifura yang teruja melihat hasil tanaman itu melahirkan rasa gembira dengan kejayaan pusat berkenaan berikutan sudah mendatangkan hasil sekali gus berupaya menjana pendapatan selain melaksanakan proses pemindahan ilmu.

Beliau berkata PPH UPSI menjadi adalah sebuah pusat pendidikan hijau pertama di Malaysia yang holistik dan berfokuskan teknologi hijau lestari yang merangkumi pertanian pintar, pusat kompos, biodiversiti dan “up-cycle”.

“Pusat ini akan menjadi lapangan rujukan aktif dan terbuka kepada masyarakat, sekolah, insituti pengajian tinggi dan industri di peringkat nasional malahan antarabangsa dalam menjadi hub pendidikan, penyelidikan, pengkomersialan. dan eko-tourism, selain bermanfaat sosial dan sirkular ekonomi malahan dapat membantu mitigasi krisis iklim.

Sementara itu, Ketua Pusat Pendidikan Hijau, Prof Madya Dr Che Zalina Zulkifli berkata projek pusat berkenaan sudah mengeluarkan hasil dengan buah yang besar seperti tanaman cili merah

jenis *sakata* yang menggunakan teknik fertigasi, manakala sistem hidroponiks digunakan untuk menanam kalia, salad, bakchoi dan sawi.

PPH, katanya, menggunakan sistem alam mesra seperti akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, *internet of thing* (IOT) dan sensor-e-pendidikan hijau.

Menurut beliau UPSI menempatkan lapan penyelidik secara berkala mingguan, enam kakitangan "Wira Oren" MBSP (separuh masa), Urbanest Sdn. Bhd menyediakan seorang pengurus operasidan pakar agronomist untuk bertugas setiap hari.

Penyelidik UPSI dari Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreaif (FSKIK) ialah Prof Dr Mohd. Fauzi Sedon@M. Dom, Prof Madya Abu Bakar Sabran, Prof Madya Dr Dr Abdul Aziz Zalay@Zali, Hasnatul Nazuha, manakala Prof Madya Dr Mohd Azlan Nafiah (Fakulti Sains dan Matematik), Prof Madya Dr Mohd Azam Sulong (Fakulti Muzik dan Seni Persembahan). Empat penyelidik dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan ialah Prof Madya Dr Norkhalid Salimin, Prof Madya Dr Mohd Izwan Shahril dan Dr Mazuki Mohd Yasim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/9/2021	EDISI 9	ONLINE	

## Hasil tanaman Pusat Pendidikan Hijau UPSI mula dituai



Helmi Zaifura Abdul Rahman (dua dari kanan) dan Che Zalina Zulkifli melihat cili merah yang dituai dari Pusat Pendidikan Hijau UPSI di Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

SEBERANG PERAI – Pusat Pendidikan Hijau (PPH), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang berkeluasan 1.4 ekar terletak di Padang Chempedak, Tasek Gelugor di sini sudah berhasil dan mula dituai.

Pusat berkenaan ditubuhkan hasil Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada Mac lalu bagi menjalin kerjasama strategik antara UPSI bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Urbanest Sdn Bhd.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, hasil daripada kejayaan luar biasa projek inovasi UPSI bersama MBSP seperti inovasi mesin kompos (EFCW) dan E-Sukan Pendidikan Hijau, UPSI dan MBSP mengorak langkah mengusahakan sebidang tanah seluas 1.4 ekar membangunkan PPH sebagai hub pendidikan, penyelidikan dan pengkomersialan teknologi yang komprehensif.

“Hasil kerjasama itu memberi manfaat yang menyeluruh kepada komuniti setempat dan UPSI berbangga dapat mencurahkan ilmu dan pengetahuan kepada komuniti serta mewujudkan inovasi baharu serta mencipta peluang kepada belia untuk menjadi petani bandar.

“Menerusi kerjasama rakan strategik UPSI-MBSP-URBANSET, pusat ini dapat memberi impak yang besar dan dijadikan sebagai model oleh masyarakat, pelajar, industri tempatan dan antarabangsa.

“Ia sekaligus akan menjadi pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti serta upcycle ke arah mengurangkan sisa,” katanya sempena sesi tuai hasil tersebut di sini.

Turut hadir, Datuk Bandar MBSP, Datuk Sr. Rozali Mohamud, Pengarah Urusan, Urbanest Sdn. Bhd., G. Karthigayan dan Ketua PPH UPSI, Prof Madya Dr Che Zalina Zulkifli.

Sementara itu, Helmi Zaifura yang teruja melihat hasil tanaman itu melahirkan rasa gembira dengan kejayaan pusat berkenaan berikutan sudah mendatangkan hasil sekali gus berupaya menjana pendapatan selain melaksanakan proses pemindahan ilmu.

Beliau berkata PPH UPSI menjadi adalah sebuah pusat pendidikan hijau pertama di Malaysia yang holistik dan berfokuskan teknologi hijau lestari yang merangkumi pertanian pintar, pusat kompos, biodiversiti dan “up-cycle”.

“Pusat ini akan menjadi lapangan rujukan aktif dan terbuka kepada masyarakat, sekolah, insituti pengajian tinggi dan industri di peringkat nasional malahan antarabangsa dalam menjadi hub

pendidikan, penyelidikan, pengkomersialandan eko-tourism, selain bermanfaat sosial dan sirkular ekonomi malahan dapat membantu mitigasi krisis iklim.

Bagi Che Zalina, projek pusat berkenaan sudah mengeluarkan hasil dengan buah yang besar seperti tanaman cili merah jenis sakata yang menggunakan teknik fertigasi, manakala sistem hidroponiks digunakan untuk menanam kalia, salad, bakchoi dan sawi.

PPH, katanya, menggunakan sistem alam mesra seperti akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, *internet of thing* (IOT) dan sensor-e-pendidikan hijau.

Menurut beliau UPSI menempatkan lapan penyelidik secara berkala mingguan, enam kakitangan Wira Oren MBSP (separuh masa), Urbanest Sdn. Bhd menyediakan seorang pengurus operasidan pakar agronomist untuk bertugas setiap hari. – Edisi 9

Pesawah kerugian RM100,000, pokok padi rosak ditenggelami banjir

## 'Gantung cangkul kalau terus rugi'

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID

**PENDANG** - Kira-kira 30 pesawah di empat buah kampung di sini mendakwa mengalami kerugian RM100,000 selepas kawasan sawah seluas 25 hektar yang diusahakan mereka ditenggelami banjir ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Empat kampung terlibat ialah Kampung Alor Beral, Kampung Alor Puduk, Kampung Sungai Mati dan Kampung Banggol Tok Ali.

Seorang pesawah, Abd. Rani Baharom, 68, dari Kampung Alor Beral berkata, sebahagian kawasan sawah di situ ditenggelami banjir sehingga paras 1.5 meter.

"Apa yang menyedihkan pokok padi yang rosak sudah berusia 90 hari dan boleh mula dituai dan kejadian ini menyebabkan saya kerugian hampir RM60,000.

"Kebanyakan pokok padi semakin rosak dan berbau masam akibat lama ditenggelami banjir," katanya ketika ditemui di sini semalam.



JAMALUDDIN (tengah) menunjukkan pokok padi yang rosak akibat ditenggelami banjir di Pendang semalam.

Menurutnya, kejadian banjir setiap kali hujan lebat telah lama berlarutan dan bertambah buruk apabila sistem pengaliran di

kawasan sawah tersebut tidak dapat menampung aliran air dari Sungai Padang Kerbau dan Sungai Pendang.

"Jika masalah ini tidak dapat diatasi, pesawah terus terbebani dan kemungkinan terpaksa menggantung cangkul atau se-

wakan kepada orang lain kerana tidak sanggup lagi menanggung kerugian," ujarnya yang mengusahakan sawah seluas tiga hektar.

Seorang lagi pesawah, Jamaluddin Mahmud, 65, berkata, dia kerugian kira-kira RM6,000 apabila sebahagian tanaman padi di kawasan seluas 1.5 hektar rosak dalam kejadian tersebut.

"Kami harap Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat menyelesaikan masalah pengaliran di situ termasuk membersihkan Sungai Padang Kerbau dan Sungai Pendang daripada tumbuhan liar yang menghalang aliran air keluar dari sawah ke sungai berkenaan.

"Apa yang berlaku ialah air lambat mengalir keluar dari kawasan sawah ke sungai menyebabkan tanaman ditenggelami air sehingga beberapa hari seterusnya rosak," katanya.

Tambahnya, tindakan segera perlu dilakukan bagi mengelak kejadian serupa berulang lagi pada musim padi seterusnya.

## UMT hasilkan modul selamatkan nyawa penyu

**KUALA NERUS** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil inisiatif menghasilkan modul latihan pengurusan (MLP) pemuliharaan penyu untuk diguna pakai di semua pusat konservasi dan santuari halwan reptilia itu di seluruh negara.

Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berkata, MLP mengandungi piawaian pengurusan pendaratan dan persarungan penyu di negara ini.

"UMT berkongsi kepakaran dalam bidang konservasi penyu memenuh MLP yang diharapkan dapat dijadikan rujukan untuk semua pengendali pusat konservasi dan santuari penyu serta agensi pelancongan di negara ini.

"MLP juga akan meningkatkan

kefahaman awam terhadap haiwan reptilia yang diancam kepupusan tersebut," katanya ketika melancarkan modul berkenaan secara online semalam.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Unit Penyelidikan Penyu (Seatru) Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT, Dr. Uzair Rusli pula berkata, MLP akan menjadi perintis kepada garis panduan pelancongan berteraskan pendidikan atau 'edutourism' melibatkan aktiviti konservasi penyu di negara ini.

Menurutnya, program 'edutourism' tersebut akan disemarakkan selepas penguatkuasaan penjualan telur penyu oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun ini.



SALAH satu program sukarelawan pemuliharaan penyu yang pernah dianjurkan UMT.

## UMT sedia modul rujukan konservasi penyu

**KUALA TERENGGANU** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedia menawarkan kepakaran bagi membantu usaha pemuliharaan penyu di seluruh negara.

Naib Canselornya, Profesor Mazlan Abd Ghaffar berkata, ia berdasarkan hasil pembangunan modul Latihan Pengurusan Pemuliharaan Penyu (MLP3) oleh Penyelidikan Penyu Laut (SEATRU) UMT yang kini sedia dijadikan rujukan pihak yang menjalankan konservasi terhadap hidupan itu.

Menurutnya, usaha menghasilkan modul yang dimeterai sejak 2017 itu dilakukan dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat serta rakan-rakan strategik SEATRU UMT.

"UMT bersedia menawarkan kepakaran bagi membantu mana-mana projek konservasi dengan menjadikan modul ini sebahagian daripada produk EduTourism.

"Kita juga berharap modul latihan ini dapat dijadikan rujukan dan diimplementasikan di mana-



Anak penyu dilepaskan ke habitat asasi di Mak Kepit, Pulau Redang.

mana pusat santuari penyu termasuk agensi pelancongan penyu di seluruh Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran modul berkenaan secara dalam talian pada Isnin.

Katanya, modul itu bukannya sahaja mengandungi operasi piawaian berkaitan pengurusan penyu seperti pendaratan dan peredaran penyu malah ada maklumat berkaitan spesies dan ciri-ciri unik penyu bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai hidupan marin itu.

"Pembangunan modul ini bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam usaha

menggalakkan perkongsian aset untuk meningkatkan keupayaan penyampaian awam.

"Ia boleh dicapai dengan menyediakan satu standard yang boleh digunakan untuk melatih lebih ramai orang awam dalam aktiviti 'Konservasi Berasaskan Komuniti,'" katanya.

Sebelum ini, UMT menerima peruntukan se-penuhnya daripada Yayasan Bank Rakyat pada 1 September 2018 bagi merealisasikan projek perbitan modul dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan Institut Penyelidikan Perikanan, Terengganu.



Shunmugam Karuppannan, or better known as Shan, showing the vegetables grown on his farm recently. **BERNAMA PIC**

## From film director to humble farmer

**KUALA LUMPUR:** The Covid-19 pandemic has affected many people, including those in the glamorous and high-flying figures in the filming industry.

And it is because of this that Shunmugam Karuppannan, or better known as Shan, had to temporarily leave his job as a film director and script writer when the industry suffered as the country was put under the Movement Control Order 3.0 and the National Recovery Plan (NRP).

The 47-year-old then decided to dabble in agriculture and planted vegetables like choy sum (sawi), spinach and lime to earn a living.

"My livelihood suffered because of Covid-19 as no filming could be done. When my savings dwindled, I moved to vegetable farming. I planted vegetables at my friend's plot and sold the produce directly to buyers," he said.

Shan is no ordinary director. He won the Malaysia Video Awards 2000 for his short film *No worry chicken curry* and two awards in 2001 for his short films entitled *Me, mother and mosquito* and *Oh my goat*.

He also won an award at the Anugerah Skrip Skrin organised by the National Film Development Corporation Malaysia in 2018 for best public service announcements titled "Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu".

Shan who has been in the creative industry for more than 20 years, admitted that he was quite embarrassed when he initially started, but soon began to enjoy working in the new field and learning new things.

Born in Negri Sembilan, he runs his business selling vegetables through his Facebook account, which he named *Dari Seni ke Tani*. Though not so rewarding, the income from selling vegetables was enough to support his wife and two children.

Meanwhile, Shan said he was happy with the permission given to creative arts activists who are completely vaccinated to return to work and said he too would be returning to doing creative work. He would focus on his farming during his spare time. **Bernamea**